

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 OGOS 2023

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 19

'Gaji dijangka lebih tinggi tahun hadapan'

'Gaji dijangka lebih tinggi tahun hadapan'

Kuala Lumpur: Rakyat dijangka boleh menikmati gaji lebih tinggi tahun hadapan melalui pengumuman Belanjawan 2024 yang dibentangkan Oktober ini.


Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata kenaikan gaji rakyat itu akan dilaksanakan berdasarkan peruntukan kerajaan melalui hala tuju pengajian rakyat.

"Hala tuju pengajian sudah ada, rakyat mula rasa gaji lebih tinggi tahun hadapan apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim akan mengumumkan peruntukan kerajaan untuk menaikkan gaji rakyat, melalui Belanjawan dibentangkan Oktober ini," katanya pada sesi Debat Model Baharu Ekonomi Malaysia bersama Ahli Parlimen Bachok, Mohd Syahir Che Sulaiman yang disiarkan secara langsung di RTM, kelmarin.

Pada masa sama, Rafizi berkata, walaupun ekonomi negara belum pulih, kerajaan berada pada landasan baik dalam aspek penyelesaiannya.

Katanya, usaha Kerajaan Perpaduan setakat ini sudah menunjukkan hasil awal, termasuk mengatasi masalah kenaikan harga barangan berterusan, selain inflasi bulanan berjaya diturunkan pada paras terendah dalam tempoh 12 bulan.

"Minat pelabur juga semakin pulih bukan sahaja (pelabur) be-



Rafizi (kiri) dan Mohd Syahir pada sesi Debat Model Baharu Ekonomi Malaysia, kelmarin.

sar, namun pelabur dana pendek yang kembali ke bursa saham pada kadar lebih tinggi berbanding negara serantau ASEAN dalam tempoh dua bulan.

"Kalau kita kekal pada landasan ini, Malaysia mampu sertai senarai negara berpendapatan tinggi atau negara maju antara 2026 hingga 2028," katanya.

Sementara itu, Rafizi berkata, tidak timbul Anwar mengawal kedua-dua perbelanjaan, iaitu membabitkan perbelanjaan mengurus dan pembangunan walaupun Perdana Menteri memegang jawatan Menteri Kewangan.

Katanya, Perdana Menteri buat kali pertama melepaskan kuasa perbelanjaan pembangunan kepada Kementerian Ekonomi, di bawahnya.

"Perbelanjaan negara ada

dua bahagian iaitu perbelanjaan mengurus dan pembangunan, perbelanjaan mengurus adalah pembayaran gaji, hutang dan sebagainya yang tidak sangat membabitkan perbelanjaan besar. Itu di bawah Kementerian Kewangan.

"Perbelanjaan pembangunan pula membabitkan projek membina jalan, membuat bangunan di bawah Kementerian Ekonomi, Perdana Menteri daripada kuasa berbelanja adalah lebih rendah daripada saya.

"Tidak pernah ada Perdana Menteri melepaskan kuasa perbelanjaan pembangunan, hanya Anwar lepaskan kepada saya," katanya.

Sementara itu, Rafizi juga membidas alasan diberikan Ahli Parlimen Bachok bahawa Kelantan masih menjadi negeri

termiskin kerana dianaktirikan kerajaan Persekutuan.

Sebaliknya, Menteri Ekonomi itu menjelaskan, Kelantan menerima peruntukan besar daripada kerajaan Persekutuan berbanding beberapa negeri lain, namun disebabkan pentadbirannya yang tidak cekap, negeri itu kekal miskin.

"Negeri Sembilan, Melaka walaupun hasil buminya tidak banyak dan peruntukan Persekutuan tidak besar macam Kelantan, namun ia jauh lebih baik (ekonomi) daripada negeri itu.

"Kerajaan Persekutuan sudah bagi peruntukan untuk membantu, tetapi kerajaan negeri itu tidak cekap mentadbir, ia bukan soal peruntukan dari Pusat kalau ada negeri tidak mahir dan hanya sibuk berpolitik," katanya.

Isu 'federalisme'

Terdahulu, Mohd Syahir ditanya Rafizi mengapa Negeri Sembilan dan Melaka yang juga negeri lebih kecil, namun maju berbanding Kelantan walaupun mendapat peruntukan cukup besar daripada Persekutuan.

Mohd Syahir pada sesi jawapannya, menekankan punca utama Kelantan masih menjadi negeri miskin disebabkan isu 'federalisme' yang mana beberapa hak negeri itu dinafikan, terma-

suk royalti disebabkan perbezaan pentadbiran antara kerajaan Persekutuan dan negeri.

"Selama 33 tahun Kelantan di bawah pentadbiran PAS dari 1990, negeri itu tidak pernah merasai nikmat 'federalisme' sebagaimana dinikmati Melaka dan Negeri Sembilan.

"Kecuali dua tahun saja apabila kerajaan Persekutuan di bawah pentadbiran Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. Dua tahun itu baru ada kertas cadangan atas meja projek infrastruktur air, empangan dan jalan," katanya.

Sementara itu, Mohd Syahir berpendirian hutang secara dasarnya wajib dibayar dan bersetuju bahawa tiada hutang boleh dimansuhkan, walaupun wujud dakwaan kerajaan Kelantan memohon penghapusan hutang berkaitan air.

Katanya, Pusat perlu mempunyai pertimbangan untuk penangguhan pembayaran berikutan hubungan antara dua pentadbiran negeri dan Pusat adalah seperti ayah dan anak.

Pada sesi debat itu, Mohd Syahir turut membawa model ekonominya yang berbumbungkan kestabilan nasional dengan empat tiang seri utama iaitu keadilan ekonomi, kesederhanaan ekonomi, kitaran ekonomi dan integriti ekonomi.